

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta MENTERI KESIHATAN menjelaskan apakah asas yang diguna pakai untuk membenarkan pelepasan kuarantin wajib 14 hari di pusat kuarantin bagi mereka yang pulang dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gelombang kedua Pandemik COVID-19 di Malaysia mula berlaku pada awal bulan Mac 2020. Mengambil kira kejadian kes COVID-19 yang tinggi di luar negara, sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memutuskan untuk mewajibkan semua pengembara yang pulang dari luar negara (pengembara) menjalani kuarantin selama 14 hari di stesen-stesen kuarantin.

2. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pengembara ini yang memohon untuk **dikecualikan daripada kuarantin di stesen** kuarantin yang disediakan. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia boleh memberi pertimbangan terhadap permohonan seperti ini. Walaubagaimana pun **pengembara ini masih wajib menjalani pengawasan dan pemerhatian di kediaman sendiri** (*Home Surveillance*), yang mana perintah pemantauan ini (*Home Surveillance*)

Order) termaktub di bawah Seksyen 15, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, 1988 (Akta 342).

3. Kriteria untuk diberi kelonggaran dari menjalani kuarantin di stesen kuarantin yang disediakan ini termasuk:

- a) **Isu kesihatan termasuk mengalami kesihatan mental dan penyakit psikiatri** yang dibuktikan dengan pelaporan daripada doktor atau pakar perubatan serta justifikasi penilaian kesihatan oleh petugas kesihatan di pintu masuk negara;
- b) **Pesakit yang memerlukan rawatan segera dan telah mempunyai tarikh termujanji dengan hospital swasta** tertentu (*Malaysia Health Tourism Council (MHTC) Programme*). Pesaki-pesakit seperti ini perlu terus dimasukkan ke hospital berkaitan dan wajib menjalani kuarantin selama 14 hari di hospital tersebut.
- c) **Kanak-kanak di bawah umur 16 tahun** yang mengembara bersendirian.
- d) **Pengembara yang berumur melebihi 70 tahun** serta tidak dapat menguruskan diri sendiri;
- e) **Wanita yang mengandung di fasa akhir kehamilannya** (38 minggu ke atas);
- f) **Duta-duta negara asing** yang mendapat pengesahan daripada Kementerian Luar Negeri selaku seorang duta dan berdasarkan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- g) **Pakar-pakar teknikal luar negara** yang datang untuk membaik pulih mesin-mesin atau peralatan di industri tertentu dan akan berada di Malaysia dalam masa kurang dari seminggu, berdasarkan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pengembara yang diberi kelonggaran untuk pemantauan dan pengawasan di kediaman sendiri ini masih perlu dan wajib mematuhi syarat-syarat berikut:

- a) **Memuat-turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera;**
- b) **Menjalani swab ujian COVID-19 (RT-PCR) di pintu masuk negara;**
- c) **Diberi *Home Surveillance Order* dan dipakaikan gelang pengawasan (*wristband*).** Jika gagal mematuhi perintah ini dan didapati merayau keluar dari kediaman masing-masing, pengembara ini boleh diambil tindakan undang-undang di bawah peraturan 11(1) Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8) (2020);
- d) **Berada di kediaman sendiri selama 14 hari;**
- e) **Memantau gejala dan kesihatan sendiri** menggunakan *Home Assessment Tools* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera;
- f) **Menjalani ujian COVID-19 kedua (RTK Ab) pada hari ke 13 (D13)** di klinik kesihatan berhampiran;
- g) Jika keputusan **ujian RTK Ab negatif, gelang pengawasan akan dipotong dan diberikan *Release Order* pada hari ke 14 (D14)** oleh PKD berhampiran dengan kediaman pengembara ini; dan
- h) **Sekiranya ujian RTK Ab positif, ujian Rt-PCR** akan dijalankan ke atas individu tersebut. Manakala ahli keluarga akan dilakukan saringan.

Sekian, terima kasih.